

KUALA LUMPUR 28 Feb. — Parti pembangkang tidak akan dapat menggantikan Kerajaan Perikatan sa-kira-nya mereka masih lagi bersikap ekstrem terhadap hakikat wujud-nya berbagai kaum di-negara ini.

Demikian di-tegaskan oleh bekas Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia, Dr. Mahathir Mohd ketika bercheramah mengenai "Parti Politik di-Malaysia" kepada lebih 120 orang pegawai kerajaan yang sedang menjalani latihan asas di-Dewan Latihan Petaling Jaya petang ini.

Kegagalan

Kata-nya, "Parti pembangkang yang bersikap demikian pasti akan menemui kegagalan untuk menawan hati rakyat. Kalau pun berjaya chuma menawan beberapa kerajaan negeri sahaja."

Oleh-nya di-jelaskan bahawa realiti yang wujud ialah 50 peratus penduduk Malaysia terdiri dari orang bumiputra sementara yang 50 peratus lagi terdiri mereka yang bukan bumiputra.

"Sa-hingga ini saya tidak nampak parti pembangkang yang benar-benar mewakili berbagai kaum walau pun ada di-antara mereka pernah berkata parti mereka ada-lah hak milik bersama rakyat Malaysia," jelas-nya.

Dr. Mahathir berpendapat kemenangan Parti Tindakan Demokrat (DAP) dalam Dewan Rakyat tidak bermakna kerana kemenangan mereka chuma sokongan dari satu kaum sahaja.

Parti Progresif Rakyat (PPR), kata-nya, chuma merupakan satu parti politik daerah yang hanya dapat menguasai bandar Ipoh sahaja. Parti ini boleh-lah di-katakan "Parti Municipal Ipoh" di-sambut dengan gelak ketawa dari orang ramai.

Mengenai Parti Rakyat pula, Enche Mahathir berkata ia-nya tidak akan dapat membesarkan pengaruh-nya berdasarkan bahawa parti itu tidak mendapat kepercayaan dari rakyat.

Beliau menarek perhatian bahawa Parti Keadilan Masyarakat (PEKEMAS) hanya merupakan kenderaan baru yang telah kehilangan pengarah.

"Pemimpin-nya ada-lah orang lama. Masyarakat umum tahu benar ten-

55
tang pendirian mereka terhadap beberapa issue nasional," tamoan-nya.

PAS menurut-nya, akan tetap kekal di-Kelantan, tanda2 menunjukkan bahawa parti lain susah hendak menembusi kubu parti itu di-negeri tersebut.

"Kemenangan chalu-nya dalam plenanraya kecil Tumpat Barat baru2 ini jelas menunjukkan kekuatan-nya," ujar beliau.

Menurut Dr. Mahathir, ahli politik di-tanan ayer berpendapat bahawa kejayaan untuk menawan hati rakyat hanya terchapai sa-kira-nya mendapat sokongan dari rakyat berbagai kaum.

Oleh-nya di-jelaskan bahawa di-Malaysia sekarang hanya PERIKATAN sahaja yang berjaya menerima realiti, memahami kenyataan yang wujud dan membolehkan-nya bertanding di-semua tempat yang di-kuasai oleh Melayu atau bukan Melayu.

Perikatan, kata-nya telah menyediakan diri untuk menghadapi rakyat di-masa depan. Pembentukan kerajaan champoran Gerakan-Perikatan di-Pulau Pinang merupakan chara untuk mengembangkan dasar2-nya.

Amaran

Sagaimana pun beliau memeri amaran tentang bahaya2 yang akan timbul sa-kira-nya dasar ini di-teruskan terutama-nya dalam menghadapi plenanraya umum di-masa2 akan datang.

Apa yang jelas, kata Dr. Mahathir, sa-kira-nya aliran ini di-teruskan maka Perikatan pasti akan mengalami perubahan dasar.

"Kita takut apa yang terjadi nanti. Perikatan akan mempunyai dua sayap yang tidak sama dan ini sudah tentu-nya akan menimbulkan huru-hara di-negeri ini," tegas-nya.

Menjawab satu pertanyaan, beliau menjelaskan bahawa masa-nya belum tiba untuk mengujudkan satu parti politik yang bersifat satu kaum saja.

Rakyat Malaysia, tambah-nya masih lagi mempunyai anggapan bahawa orang2 Melayu kuat dalam politik, sementara orang2 China kuat dalam ekonomi, sa-lagi hakikat ini masih wujud sa-lagi itu-lah parti satu kaum tidak akan mendapat sokongan dari rakyat.

Sa-bagai contoh beliau memberitahu bahawa kemenangan PAS di-beberapa buah kawasan di-Kedah bukan-nya berarti Perikatan telah kehilangan pengaruh sa-balek-nya orang2 di-tempat itu, sa-bahagian-nya telah berpaling taca.

Menjawab satu pertanyaan lain mengenai token2 politik yang suka melompat dari satu parti ka-satu parti, beliau berkata mereka ada-lah golongan orang yang gagal dan tidak tetap dengan satu haluan.

"Saya tidak menjunjong tinggi orang yang tidak tetap pendirian-nya," kata-nya